



اُنِيْوَرْسِيْتِيْ تِكْنُوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

EDISI 3
OKTOBER 2025

U

R

H

P

JPK *SPACE* 1.0

NAZ ASYRAF MUHAMMAD NAZARUL, NURSARAH LYANA SHAMSUL AMRAN & MUHAMMAD SYAH IKMAL SUJIDIN

Pada 22 Januari 2025, JPK *Space* telah dibuka bagi membantu pelajar yang menetap di kolej kediaman untuk menyimpan barang mereka di Bilik TV sepanjang cuti semester. Perkhidmatan JPK *Space* dijalankan di dua (2) buah kolej iaitu bagi pelajar lelaki di Kolej Bendahara Skudai dan pelajar perempuan di Kolej Mayang Selida.



JPK *Space* dijalankan bermula pada jam 8 malam hingga 10 malam, di mana setiap JPK Aras perlu berhubung dengan PIC JPK *Space* iaitu bagi kolej lelaki JPK Naz dan kolej perempuan JPK Sarah bagi mengambil kunci Bilik TV. Keutamaan perkhidmatan ini diberikan kepada pelajar Sabah dan Sarawak serta konsep *first come, first serve* diguna pakai. Cas barangan yang dikenakan adalah sebanyak RM20 dan JPK *Space* ditutup pada 28 Februari 2025

Pengambilan barang di JPK *Space* bermula pada minggu pertama semester baharu iaitu pada 5 April 2025 dan berakhir pada 8 April 2025.